UNIT 5

# AGAMA DAN KEPERCAYAAN

## NOTA EFEKTIF

### AGAMA DAN KEPERCAYAAN DI MALAYSIA

| Agama | Ajaran | Nama Kitab |
|---|---|---|
| Islam | – Agama yang merangkumi segala aspek. Hanya menyembah Allah Yang Maha Esa<br>– Percaya kepada Rukun Iman dan Rukun Islam | Berpandukan al-Quran dan Hadis |
| Kristian | – Penganut percaya agama ini dibawa oleh Jesus Christ<br>– Hari Ahad dikhaskan untuk aktiviti keagamaan di gereja | Bible |
| Buddha | – Mengamalkan ajaran yang diasaskan oleh Siddharta Gautama. Dikenali sebagai Buddha.<br>– Percaya ajaran berasaskan Empat Kebenaran Mulia yang dapat dicapai melalui jalan Lapan Lapis Mulia | Tipitaka |
| Hindu | – Mempercayai Hukum Karma<br>– Berkaitan dengan kelakuan manusia semasa hidup dan kelahiran semula selepas mati | Veda |
| Sikh | – Diasaskan oleh Guru Nanak.<br>– Tradisi dan ajaran agama berkaitan dengan sejarah, masyarakat dan budaya kaum sikh<br>– Percaya adanya satu Tuhan bernama Waheguru | Sri Guru Granth Sahib |
| Konfusius | – Diasaskan oleh Kung Fu Tze. Menekankan prinsip moral yang tinggi seperti perikemanusiaan, kesusilaan dan ketaatan kepada ibu bapa | Buku Analek |
| Tao | – Diasaskan oleh Lao Tzu<br>– Percaya kepada kepentingan keharmonian hidup dengan alam semesta<br>– Kehidupan manusia ditentukan oleh Tao yang bermaksud 'jalan" | Buku Tao Te Ching |

© Hak cipta system PUBLICATIONS SDN. BHD.

## NOTA EFEKTIF

### Kepercayaan masyarakat Orang Asli di Semenanjung Malaysia

- Masyarakat Orang Asli suku Mah Meri di Pulau Carey mengadakan upacara Puja Pantai.
- Tujuan untuk mendapat perlindungan dan pengampunan daripada semangat laut
- Percaya bahawa penyakit disebabkan kuasa jahat
- Masyarakat Orang Asli suku Temiar dan suku Semai mengadakan upacara ritual untuk menghalau kuasa jahat
- Masyarakat orang asli suku Temiar dan suku Semai mengadakan upacara ritual untuk menghalau kuasa jahat

**Kepercayaan masyarakat di Sarawak dan Sabah**

| Kaum | Kepercayaan |
|---|---|
| Iban | – Percaya kepada Petara (Dewa) akan menyampaikan sebarang alamat dan petanda melalui mimpi dan bayangan.<br>– Upacara Miring dimulakan dengan jampi mentera<br>– Dilakukan oleh seorang penyair yang dipanggil Lemambang |
| Bisaya | – Suku kaum di Sarawak yang bekerja sebagai petani<br>– Percaya kepada kuasa ghaib<br>– Membaca jampi mentera untuk elak gangguan kuasa ghaib semasa membuka kawasan pertanian baharu<br>– Menjalankan upacara Tamarok untuk halau kuasa ghaib dari badan pesakit |
| Bajau | – Terdapat masyarakat bajau yang masih menjalankan upacara Ngeduang.<br>– Keluarga si mati menjamu makanan kepada tetamu sebagai sedekah.<br>– Diamalkan di bahagian pantai barat Sabah (Kota Belud)<br>– Etnik Bajau di (Semporna) mengadakan upacara Mag'ombo bermaksud menghargai dan menghormati warisan turun-temurun nenek moyang agar dirahmati |
| Kadazandusun | – Percaya Tuhan Kinorohingan untuk meminta keselamatan dan perlindungan<br>– Percaya semangat padi dengan menjalankan upacara Magavau (Maga'au)<br>– Diketuai oleh ketua bomoh terkenal seperti Bobohizan |

### AGAMA ISLAM DALAM PERLEMBAGAAN

**PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN**

| | |
|---|---|
| Perkara 3(1) | Perkara 11(1) |
| Perkara 3(2) | Perkara 11(3)(a) |
| Perkara 3(3) | |
| Perkara 3(5) | |

### RUMAH IBADAT DI MALAYSIA

Islam – Masjid
Kristian – Gereja
Buddha – Tokong
Konfusius dan Tao – Tokong
Hindu – Kuil
Sikh – Gurdwara


©Hak cipta system PUBLICATIONS SDN. BHD.
01_SK AO System Classroom Sejarah Tahun 6_Text.indd 38
21/8/2024 9:04:10 AM